

**SUKATAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN  
GURU BESAR GRED DGA34 TAHAP KECEKAPAN 4  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**1. Matlamat Penilaian**

Untuk menilai kebolehan dan keupayaan pegawai melaksanakan kompetensi mengikut tuntutan bidang tugas pada tahap kecekapan yang diuji.

**2. Tujuan Penilaian**

2.1 Untuk menilai kebolehan dan kecekapan pegawai sebagai salah satu syarat untuk anjakan gaji dan/atau bagi dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi.

2.2 Untuk membantu pegawai memantapkan penguasaan kompetensi bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

**3. Kandungan Sukatan**

Sukatan ini dibentuk berdasarkan kompetensi utama yang perlu ada pada diri pegawai bagi melaksanakan tuntutan jawatan yang disandangnya. Sukatan yang berasaskan kompetensi ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu:

Bahagian I	:	Sukatan untuk Komponen Kompetensi Generik (100%)
Bahagian II	:	A - Sukatan untuk Komponen Kompetensi Fungsional Teras (20%)
	:	B - Sukatan untuk Komponen Kompetensi Fungsional Khusus (80%)

**4. Kompetensi**

**4.1 Kompetensi Generik**

- i. Berupaya mengamalkan tatakelakuan dan sahsiah penjawat awam berdasarkan nilai dan etika perkhidmatan awam bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti.
- ii. Berupaya mengendalikan pengurusan kewangan am mengikut peraturan yang ditetapkan bagi memastikan pengurusan kewangan am diuruskan secara tepat, berkesan dan berhemah.

- iii. Berupaya melaksanakan dan mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan mengikut Perintah Am, Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan bagi memastikan mutu perkhidmatan yang berkualiti.
- iv. Berupaya merancang, melaksana, memimpin, memantau dan menilai pelaksanaan program/aktiviti bagi mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional dan kaitannya dengan perkembangan pendidikan.
- v. Berupaya merancang, melaksana, memimpin, memantau dan menilai pelaksanaan dasar serta program/aktiviti yang dikendalikan ke arah merealisasikan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

## **4.2 Kompetensi Fungsional**

### **4.2.1 Teras**

- i. Berupaya menunjukkan penguasaan pengetahuan mata pelajaran yang diajar mengikut ketetapan sukatan bagi memastikan keberkesanan pengurusan pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Berupaya merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut Sukatan Pelajaran serta Huraian Sukatan Pelajaran bagi memastikan hasil pembelajaran tercapai.
- iii. Berupaya menyediakan Jadual Spesifikasi Ujian, membina item serta melaksanakan ujian dan pentaksiran mengikut prinsip ujian dan pentaksiran bagi memastikan ujian dan pentaksiran dapat dilaksanakan sebagaimana dirancang.
- iv. Berupaya mewujudkan suasana bilik darjah yang berfungsi, kondusif dan selamat mengikut prosedur pengurusan kelas bagi memastikan murid dapat menerima pembelajaran yang berkesan.

### **4.2.2 Khusus**

- i. Berupaya menggerakkan sumber mengikut dasar, perundangan dan trend tempatan, kebangsaan dan global yang relevan bagi memastikan matlamat organisasi tercapai.
- ii. Berupaya menggerakkan segala sumber mengikut ketentuan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Kurikulum Kebangsaan, undang-undang dan peraturan yang relevan dengan sukatan serta perkembangan terkini dalam pendidikan untuk menyokong pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi memastikan kejayaan semua murid.

- iii. Berupaya memimpin dan mengurus aktiviti kokurikulum untuk menyokong dan mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan peraturan yang berkaitan serta perkembangan terkini.
- iv. Berupaya untuk mewujudkan sistem pengurusan hal ehwal murid yang berkesan berpandukan Dasar Pendidikan Kebangsaan, undang-undang dan peraturan serta perkembangan terkini.
- v. Berupaya mengendalikan urusan kewangan sekolah yang kos efektif, cekap dan berkesan mengikut Arahan Perbendaharaan, peraturan dan prosedur kewangan yang berkaitan serta perkembangan terkini.
- vi. Berupaya melaksanakan perolehan dan mengurus aset mengikut prosedur yang ditetapkan bagi memastikan pelaksanaan perolehan dan pengurusan aset mematuhi prosedur yang ditetapkan.
- vii. Berupaya mewujudkan sistem pentadbiran dan perkhidmatan pejabat yang cekap ke arah pencapaian sistem penyampaian perkhidmatan yang mantap lagi berkesan mengikut undang-undang, Perintah Am, peraturan dan pekeliling yang berkaitan serta perkembangan terkini.
- viii. Berupaya mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah secara cekap dan berkesan mengikut undang-undang, Pekeliling Am dan peraturan serta perkembangan terkini.
- ix. Berupaya mewujudkan pengurusan pembangunan sumber manusia yang cekap, berkesan serta secara berterusan mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan, undang-undang dan peraturan serta perkembangan terkini.
- x. Berupaya untuk menjalinkan hubungan baik dengan ibu bapa / penjaga, pihak luar dan komuniti setempat serta berusaha melibatkan mereka dalam perkongsian pintar mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan, undang-undang dan peraturan serta perkembangan terkini bagi meningkatkan prestasi pembelajaran murid.

## **5. Pegawai Yang Layak Menduduki Penilaian Ini**

Guru Besar Gred DGA34 (termasuk memangku) serta memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

## 6. Bentuk Penilaian

### 6.1 Penilaian Komponen Generik melalui Kaedah Pusat Penilaian Kompetensi (PPK):

- Penilaian Pemahaman – 50%
- Penilaian Dalam Kumpulan (Penyelesaian Kes) – 50%

### 6.2 Penilaian Komponen Fungsional melalui Kaedah Pusat Penilaian Kompetensi (PPK):

- Penilaian Pemahaman – 50%
- Penilaian Dalam Kumpulan (Penilaian Pengurusan Kerja) – 50%

## 7. Masa

Dua hari

## 8. Tahap Kecekapan

TK 4

## 9. Aras Kesukaran Penilaian

Analisis

## 10. Rujukan

### **Kompetensi Generik:**

Calon- calon dibenarkan merujuk kepada bahan bacaan semasa aktiviti penilaian pemahaman.

### **Kompetensi Fungsional:**

Calon- calon **tidak** dibenarkan merujuk kepada bahan bacaan semasa aktiviti penilaian pemahaman.

**11. Keputusan**

<b>Aras IV</b>	Lulus/Melepassi Tahap Kompetensi cemerlang
<b>Aras III</b>	Lulus/Melepassi Tahap Kompetensi
<b>Aras II</b>	Lulus Bersyarat
<b>Aras I</b>	Tidak Melepassi Tahap Kompetensi

**12. Pengecualian**

Calon yang lulus/melepassi Tahap Kompetensi Aras III dan Aras IV bagi penilaian Komponen Kompetensi Generik / Komponen Kompetensi Fungsional dikecualikan daripada menduduki penilaian berkenaan. Walau bagaimanapun, calon yang lulus pada Aras III boleh menduduki semula penilaian tersebut sekali sahaja bagi tujuan mendapat keputusan yang lebih baik pada Aras IV. Manakala calon yang Lulus Bersyarat pada Aras II dan calon yang Tidak Melepassi Tahap Kompetensi pada Aras I, boleh mengulang kertas berkaitan sehingga calon melepasi Tahap Kompetensi.

**13. Bahasa (Soalan & Jawapan)**

Bahasa Melayu

**14. Permohonan dikemukakan kepada:**

Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi

**15. Kekerapan Penilaian**

Dua kali setahun.

**16. Tarikh Akhir Mengemukakan Permohonan**

Satu bulan setengah (1½) selepas tarikh pendaftaran Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dibuka.

**17. Tarikh Berkuatkuasa**

1 Mac 2009

**Bahagian I : Sukatan untuk Komponen Kompetensi Generik**

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
1. Tatakelakuan dan Sahsiah Guru Sebagai Penjawat Awam	Berupaya mengamalkan tatakelakuan dan sahsiah penjawat awam berdasarkan nilai dan etika perkhidmatan awam bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Etika Perkhidmatan Awam;</li> <li>ii. Etika Profesion Keguruan;</li> <li>iii. Standard Guru Malaysia;</li> <li>iv. Pelan Integriti Nasional;</li> <li>v. Tonggak Dua Belas;</li> <li>vi. Rukun Negara;</li> <li>vii. Piagam Pelanggan;</li> <li>viii. Tadbir Urus Terbaik;</li> <li>ix. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993; dan</li> <li>x. Protokol dan etiket majlis rasmi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengaplikasikan nilai dan etika penjawat awam dalam melaksanakan tugas;</li> <li>ii. Mempamerkan keterampilan diri yang bersesuaian dengan nilai dan etika kerja;</li> <li>iii. Memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan mematuhi nilai dan etika yang ditentukan;</li> <li>iv. Menyebarkan nilai dan etika menerusi program yang dirancang oleh organisasi;</li> <li>v. Menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi luar dalam menjalankan aktiviti dan program yang berkaitan mengikut norma perkhidmatan; dan</li> <li>vi. Mengamalkan protokol dan etiket dalam majlis rasmi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mematuhi nilai dan etika profesion keguruan;</li> <li>ii. Menghayati nilai dan etika perkhidmatan awam;</li> <li>iii. Mengutamakan kepentingan perkhidmatan awam;</li> <li>iv. Berintegriti dan komited dalam melaksanakan tugas; dan</li> <li>v. Telus, adil dan saksama.</li> </ul>

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
2. Kewangan Am	Berupaya mengendalikan pengurusan Kewangan Am mengikut peraturan yang ditetapkan bagi memastikan pengurusan kewangan Am diuruskan secara tepat, berkesan dan berhemah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem Saraan Malaysia (SSM);</li> <li>ii. Perintah Am Bab B: Elaun-elaun dan Kemudahan dalam Perkhidmatan; dan</li> <li>iii. Arahan Perbendaharaan yang berkaitan dengan elaun-elaun dan kemudahan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenal pasti jenis-jenis elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang layak dalam perkhidmatan; dan</li> <li>ii. Mengenalpasti syarat-syarat dan prosedur berkaitan dengan tuntutan elaun-elaun.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berakauntabiliti</li> <li>ii. Berintegriti;</li> <li>iii. Telus; dan</li> <li>iv. Berhemah.</li> </ul>
3. Urusan Perkhidmatan	Berupaya melaksanakan dan mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan mengikut Perintah Am, Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan bagi memastikan mutu perkhidmatan yang berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005;</li> <li>ii. Bab C – Cuti;</li> <li>iii. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;</li> <li>iv. Bab E – Rumah dan Bangunan Pejabat Kerajaan</li> <li>v. Bab F – Perubatan;</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenal pasti tatacara lantikan dan pengesahan perjawatan;</li> <li>ii. Mengetahui hak dan peruntukan sebagai penjawat awam berdasarkan kelayakan;</li> <li>iii. Mengenal pasti syarat kelayakan untuk kenaikan pangkat;</li> <li>iv. Mengenal pasti jenis-jenis cuti yang boleh diambil dan prosedur;</li> <li>v. Mengetahui peruntukan yang berkaitan dengan peraturan dan tatatertib pegawai awam; dan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Komited terhadap tugas;</li> <li>ii. Akur perintah sebagai penjawat awam ;</li> <li>iii. Sedia berkhidmat; dan</li> <li>iv. Menghayati kualiti peribadi penjawat awam.</li> </ul>

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
		<ul style="list-style-type: none"> <li>vi. Penilaian Prestasi Perkhidmatan (LNPT, PTK); dan</li> <li>vii. Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>vi. Mengenal pasti syarat dan prosedur untuk mendapatkan rawatan serta membuat tuntutan perubatan.</li> </ul>	
4. Dasar Pembangunan Nasional dan kaitannya dengan Perkembangan Pendidikan	Berupaya merancang, melaksana, memimpin, memantau dan menilai pelaksanaan program/aktiviti bagi mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional dan kaitannya dengan perkembangan pendidikan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Wawasan 2020;</li> <li>ii. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga;</li> <li>iii. Rancangan Pembangunan Malaysia Lima Tahun (RMK semasa);</li> <li>iv. Pelan Integriti Nasional; dan</li> <li>v. Peruntukan Kewangan Sektor Pendidikan secara am.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenal pasti isu-isu Dasar Pembangunan Nasional;</li> <li>ii. Melaksana program/ aktiviti yang dirancang untuk mencapai Dasar Pembangunan Nasional;</li> <li>iii. Menilai Keberkesanan pelaksanaan program/aktiviti pendidikan untuk mencapai Dasar Pembangunan Nasional dan mengambil tindakan susulan;</li> <li>iv. Mengesan dan mengenal pasti isu-isu pendidikan semasa di peringkat nasional; dan</li> <li>v. Menyediakan laporan penilaian program/aktiviti berkaitan pendidikan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berpegang kepada prinsip bahawa segala pelaksanaan dasar adalah untuk kepentingan awam dan negara;</li> <li>ii. Berpegang kepada prinsip berintegriti ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab;</li> <li>iii. Komited terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan; dan</li> <li>iv. Menghargai diri sebagai penjawat awam.</li> </ul>

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
5. Dasar Pendidikan Kebangsaan	Berupaya merancang, melaksana, memimpin, memantau dan menilai pelaksanaan dasar serta program/aktiviti yang dikendalikan ke arah merealisasikan Dasar Pendidikan Kebangsaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sejarah Pendidikan Kebangsaan;</li> <li>ii. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-peraturan Pendidikan;</li> <li>iii. Surat Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran;</li> <li>iv. Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan Perkhidmatan Pendidikan dan Perkhidmatan Awam;</li> <li>v. Dasar Pembangunan Pendidikan 2001-2010;</li> <li>vi. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010;</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenal pasti sejarah dan dasar-dasar pendidikan negara termasuk Akta Pendidikan 1996;</li> <li>ii. Merancang dan menilai pelaksanaan program/aktiviti pendidikan bagi memenuhi matlamat dan hasrat dasar-dasar pendidikan;</li> <li>iii. Menganalisis arahan di bawah surat-surat pekeliling yang dikeluarkan oleh KPM dan JPA untuk dilaksanakan di peringkat organisasi;</li> <li>iv. Menilai perkembangan pendidikan semasa di institusi bagi meningkatkan kualiti aksesibiliti, ekuiti dan pengurusan pendidikan;</li> <li>v. Menganalisis isu-isu pendidikan semasa di peringkat tempatan, nasional, antarabangsa dan global ke arah mempertingkatkan sistem penyampaian pendidikan di peringkat organisasi; dan</li> <li>vi. Menyelia, memantau, mencerap dan menilai keberkesanan pelaksanaan program / aktiviti ke arah mempertingkatkan sistem penyampaian pendidikan untuk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berpegang kepada Etika Profesion Keguruan;</li> <li>ii. Berpegang kepada prinsip bahawa segala pelaksanaan dasar adalah untuk kepentingan awam dan negara;</li> <li>iii. Berpegang kepada prinsip integriti ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab;</li> <li>iv. Berpegang teguh kepada kepercayaan agama; dan</li> <li>v. Komited terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan.</li> </ul>

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
		vii. Hala tuju Kementerian Pelajaran; viii. Malaysia Pusat Kecemerlangan Pendidikan; dan ix. Isu-isu pendidikan semasa.	rakyat dan negara.	

**Bahagian II (A) : Sukatan untuk Komponen Kompetensi Fungsional Teras**

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
1. Penguasaan Pengetahuan Mata Pelajaran yang diajar	<b>Berupaya</b> menunjukkan penguasaan pengetahuan mata pelajaran yang diajar <b>mengikut</b> ketetapan sukatan bagi <b>memastikan</b> keberkesanan pengurusan pengajaran dan pembelajaran.	i. Pengetahuan asas terhadap isi kandungan mata pelajaran: a) tepat: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mata pelajaran bahasa: Sistem bahasa (contohnya: fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, dan pragmatik); dan</li> <li>• Mata pelajaran bukan bahasa: Konsep, fakta, formula, terminologi, estetika;</li> </ul> b) Sesuai mengikut keperluan sistem penilaian; dan c) Relevan mengikut tahap pembelajaran murid;	i. Menguasai skop kandungan mata pelajaran; ii. Membuat refleksi bagi tujuan meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan; iii. Mengenalpasti hasil pembelajaran bagi topik dalam sukatan pelajaran; iv. Memilih aktiviti pembelajaran, bahan sumber dan tugas yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran murid; v. Mengenalpasti kemahiran, konsep dan perbendaharaan kata yang sesuai untuk pembelajaran murid; vi. Mengenalpasti isi utama mata pelajaran yang perlu diterangkan dan mengaitkannya dengan contoh yang relevan; vii. Menterjemahkan kandungan mata pelajaran dalam bentuk yang lebih mudah. Contohnya: Gambarajah, carta dan model; viii. Mengenal pasti cara mengintegrasikan teknologi maklumat untuk menyokong aktiviti p&p bagi kandungan	i. Komited dalam mengamalkan budaya belajar sepanjang hayat; ii. Sedia berkongsi pengetahuan dan pengalaman; iii. Berintegriti; dan iv. Berakauntabiliti.

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
		<p>a) Mata pelajaran bahasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran lisan, membaca dan menulis; dan</li> <li>• <i>Interpersonal, informational and aesthetic;</i></li> </ul> <p>b) Mata pelajaran bukan bahasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran proses sains (contoh: kaedah mengajar inkuiri; kaedah penerokaan; penyelesaian masalah, Kajian Masa Depan, projek); dan</li> <li>• Kemahiran generik (contoh: kemahiran berfikir, kemahiran persembahan);</li> </ul> <p>iii. Aplikasi teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran;</p> <p>iv. Kaitan antara satu mata pelajaran</p>	<p>mata pelajaran yang akan diajar;</p> <p>ix. Membina keyakinan diri murid menyesuaikan diri terhadap cabaran global. (Contoh: penampilan diri, adab berkomunikasi, cara menunjuk sikap positif);</p> <p>x. Memberi kesedaran kepada murid akan kepentingan akademik;</p> <p>xi. Mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan melalui pelbagai kaedah; dan</p> <p>xii. Mengurus sumber pendidikan digital dan bukan digital.</p>	

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
		<p>dengan mata pelajaran lain; dan</p> <p>v. Kemahiran literasi dan numerasi (contoh: menterjemah markah murid untuk tindakan susulan, menyelesaikan masalah menggunakan nombor).</p>		
2. Pengajaran dan Pembelajaran.	<b>Berupaya</b> merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran <b>mengikut</b> Sukatan Pelajaran serta Huraian Sukatan Pelajaran bagi <b>memastikan</b> hasil pembelajaran tercapai.	<p>i. Akta Pendidikan 1996 (fokus kepada p&amp;p);</p> <p>ii. Dasar Pendidikan Kebangsaan;</p> <p>iii. Kurikulum Kebangsaan;</p> <p>iv. Falsafah Pendidikan Kebangsaan;</p> <p>v. Surat Pekeliling Ikhtisas, arahan dan peraturan yang berkaitan;</p> <p>vi. Perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor murid;</p>	<p>i. Menyediakan Rancangan Pelajaran Tahunan berdasarkan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran;</p> <p>ii. Menyediakan Rancangan Pelajaran Harian;</p> <p>iii. Menyedia dan menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai secara berkesan;</p> <p>iv. Memanfaatkan TMK bagi memudahkan proses p&amp;p;</p> <p>v. Melaksanakan set induksi dalam p&amp;p yang dapat menjurus ke arah kesediaan minda murid untuk mengikuti pelajaran;</p>	<p>i. Berpegang pada prinsip bahawa murid boleh belajar dan berhak mendapat pendidikan;</p> <p>ii. Komited terhadap usaha memajukan prestasi akademik murid;</p> <p>iii. Prihatin terhadap masalah pembelajaran murid;</p> <p>iv. Berpegang teguh pada ekspektasi yang tinggi dalam</p>

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
		<ul style="list-style-type: none"> <li>vii. Pendekatan, strategi dan kaedah mengajar;</li> <li>viii. Prinsip dan prosedur pentaksiran dan penilaian;</li> <li>ix. Teori pembelajaran dan gaya pembelajaran;</li> <li>x. Prinsip dan amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran (p&amp;p);</li> <li>xi. Pendekatan, dapatan kajian dan teknologi terkini bagi menyokong p&amp;p;</li> <li>xii. Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam p&amp;p;</li> <li>xiii. Project Based Learning (Pembelajaran berasaskan projek);</li> <li>xiv. Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran mata Pelajaran yang diajar;</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>vi. Menyampaikan isi pelajaran secara berkesan;</li> <li>vii. Mengintegrasikan aspek yang berikut dalam p&amp;p secara berkesan: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Penggabung jalinan (dalam dan antara mata pelajaran);</li> <li>b) Penyerapan(ilmu / nilai);</li> <li>c) Merentas kurikulum (cth: bahasa, patriotisme, kekeluargaan); dan</li> <li>d) Kesepaduan (cth; kurikulum dan kokurikulum, pengetahuan dan amalan, pengalaman yang sedia ada dan pengalaman baru).</li> </ul> </li> <li>viii. Menggunakan strategi / kaedah pengajaran yang sesuai;</li> <li>ix. Mengambil kira pelbagai kecerdasan murid dalam melaksanakan p&amp;p (iaitu bahasa, muzik, logik matematik, ruang, kinestatik, interpersonal, rohaniah);</li> <li>x. Melibatkan murid dalam aktiviti p&amp;p bagi: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menggerakkan minda murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif; dan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>p&amp;p;</li> <li>v. Prihatin terhadap kebajikan , kesejahteraan , keselamatan, keselesaan, keharmonian dan kesihatan murid;</li> <li>vi. Toleransi dan berfikir terbuka;</li> <li>vii. Menghargai pencapaian murid;</li> <li>viii. Komited terhadap budaya menuntut ilmu sepanjang hayat;</li> <li>ix. Adil dan saksama dalam memberi pujian dan hukuman; dan</li> <li>x. Berpegang kepada prinsip tingkahlaku yang betul untuk mara ke hadapan.</li> </ul>

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
		xv. Isi Kandungan mata pelajaran yang diajar; xvi. Kemahiran berfikir; xvii. Kecerdasan pelbagai; dan xviii. Kajian tindakan.	b) Menggalakkan murid membuat keputusan dan menyelesaikan masalah; xi. Mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan murid; xii. Menilai pembelajaran murid secara berterusan semasa sesi p&p; xiii. Melaksanakan aktiviti pemulihan dan pengayaan; xiv. Menyoal murid menggunakan : a) Pelbagai teknik penyoalan; dan b) Soalan yang berbeza kesukaran; xv. Memberi maklum balas/respons yang tepat kepada soalan dan jawapan murid; xvi. Mempelbagaikan jenis peneguhan yang diberi bagi menghargai hasil kerja / perlakuan murid; xvii. Memperlihatkan pemeringkatan perkembangan pengajaran; xviii. Memberi kerja rumah / tugas bagi memulih /	

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
			<p>mengukuh kemahiran dan kefahaman murid;</p> <p>xix. Menilai hasil kerja / tugas murid dan memberi maklum balas yang sesuai dalam tempoh masa yang berpatutan;</p> <p>xx. Mencatat refleksi sendiri pada akhir sesi p&amp;p untuk menambahbaik kualiti p&amp;p;</p> <p>xxi. Melaksanakan penambahbaikan berdasarkan maklum balas pencerapan; dan</p> <p>xxii. Mengurus sumber pendidikan digital dan bukan digital.</p>	
3. Ujian dan Pentaksiran.	<b>Berupaya</b> menyediakan Jadual Spesifikasi Ujian, membina item serta melaksanakan ujian dan pentaksiran <b>mengikut</b> prinsip ujian dan pentaksiran bagi <b>memastikan</b> ujian dan pentaksiran dapat dilaksanakan sebagaimana dirancang.	<p>i. Pembinaan item;</p> <p>ii. Jadual Spesifikasi Ujian;</p> <p>iii. Taksonomi Objektif Pembelajaran Bloom (Taksonomi Bloom);</p> <p>iv. Prosedur pengukuran, pentaksiran dan penilaian;</p>	<p>i. Menentukan tujuan ujian dan pentaksiran;</p> <p>ii. Menetapkan kandungan yang hendak diuji /ditaksir;</p> <p>iii. Menetapkan bentuk ujian dan pentaksiran;</p> <p>iv. Menentukan Jadual Spesifikasi Ujian;</p> <p>v. Menggubal soalan ujian dan pentaksiran mengikut jadual spesifikasi yang ditetapkan;</p>	<p>i. Berpegang pada prinsip adil, kerahsiaan dan saksama;</p> <p>ii. Mematuhi tatacara pentadbiran ujian dan pentaksiran;</p> <p>iii. Mengutamakan ketelitian, kesahan dan kebolehpercayaan ujian; dan</p>

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
		<ul style="list-style-type: none"> <li>v. Aplikasi TMK dalam penggubalan soalan, <i>postmortem</i> dan analisis keputusan;</li> <li>vi. Format dan jenis ujian dan pentaksiran;</li> <li>vii. Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran;</li> <li>viii. Perkembangan kognitif murid;</li> <li>ix. Tatacara pengendalian ujian dan pentaksiran;</li> <li>x. Format laporan prestasi pencapaian murid dalam ujian dan pentaksiran; dan</li> <li>xi. Perkembangan terkini dalam mod ujian dan pentaksiran (<i>school based assessments</i>): - SBOA, Lisan Bahasa Malaysia / PEKA / KAFA / Ujian Kecerdasan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>vi. Memurni soalan ujian dan pentaksiran;</li> <li>vii. Melaksanakan ujian dan pentaksiran;</li> <li>viii. Merekodkan markah;</li> <li>ix. Menganalisis pencapaian ujian dan pentaksiran;</li> <li>x. Menggunakan aplikasi TMK dalam penggubalan item dan penganalisan keputusan ujian serta pentaksiran;</li> <li>xi. Membanding beza prestasi murid melalui markah yang diperolehi;</li> <li>xii. Mengenal pasti kelemahan prestasi murid;</li> <li>xiii. Menganalisa data untuk merancang dan penambahbaikan;</li> <li>xiv. Mengadakan tindakan susulan; dan</li> <li>xv. Melaporkan pencapaian ujian dan pentaksiran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>iv. Menepati masa dan akur peraturan ujian serta pentaksiran.</li> </ul>

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
4. Pengurusan Bilik Darjah	<b>Berupaya</b> mewujudkan suasana bilik darjah yang berfungsi, kondusif dan selamat <b>mengikut</b> prosedur pengurusan kelas bagi <b>memastikan</b> murid dapat menerima pembelajaran yang berkesan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1-1999 (Garis Panduan Aktiviti);</li> <li>ii. Prosedur pengurusan bilik darjah;</li> <li>iii. Ciri-ciri kelas yang kondusif; dan</li> <li>iv. Pengurusan murid dalam bilik darjah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mewujudkan keadaan fizikal bilik darjah yang berinformatif, selesa, ceria dan selamat;</li> <li>ii. Menggunakan secara optimum kemudahan dan kelengkapan sedia ada;</li> <li>iii. Mengurus penggunaan BBM;</li> <li>iv. Memaparkan hasil kerja murid yang berkualiti secara teratur dan kemas di tempat yang strategik;</li> <li>v. Mewujudkan sudut pembelajaran yang berinformasi, kemas kini dan bermanfaat;</li> <li>vi. Memberi teguran terhadap pelakuan negatif dan peneguhan terhadap pelakuan positif murid;</li> <li>vii. Membentuk organisasi dan ahli jawatankuasa kelas;</li> <li>viii. Memantau pematuhan kepada jadual waktu tugas murid;</li> <li>ix. Mempamerkan jadual waktu kelas / bilik-bilik khas dan jadual waktu tugas murid di tempat yang mudah dilihat; dan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berpegang pada prinsip bahawa setiap murid berhak belajar dalam suasana yang kondusif dan ceria;</li> <li>ii. Sanggup menangani masalah yang berkaitan dengan pengurusan bilik darjah;</li> <li>iii. Berpegang pada prinsip bahawa semua murid mendapat segala kemudahan yang disediakan; dan</li> <li>iv. Peka kepada keperluan mewujudkan suasana pembelajaran yang efektif.</li> </ul>

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
			x. Menyemai semangat kesepercayaan ( <i>sense of belonging</i> ).	

**Bahagian II (B) : Sukatan untuk Komponen Kompetensi Fungsional Khusus**

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
1. Pengurusan dan Kepimpinan Organisasi	<b>Berupaya</b> menggerakkan sumber <b>mengikut</b> dasar, perundangan dan trend tempatan, kebangsaan dan global yang relevan bagi <b>memastikan</b> matlamat organisasi tercapai.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dasar, perundangan dan trend tempatan, kebangsaan dan global yang relevan;</li> <li>ii. Teori dan prinsip pengurusan organisasi;</li> <li>iii. Teori dan prinsip kepimpinan berkesan;</li> <li>iv. Pengurusan strategik organisasi;</li> <li>v. Pengurusan teknologi komunikasi dan maklumat terkini;</li> <li>vi. Pengurusan pembangunan personel dan organisasi;</li> <li>vii. Kepimpinan dan pengurusan perubahan; dan</li> <li>viii. Prinsip dan teknik penilaian serta penambahbaikan prestasi organisasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menterjemah dan mengaplikasikan dasar, perundangan dan trend tempatan, kebangsaan dan global dalam pengurusan organisasi;</li> <li>ii. Memastikan pengurusan organisasi berteraskan prinsip pengurusan organisasi berkesan;</li> <li>iii. Merancang strategi untuk mencapai visi dan misi organisasi;</li> <li>iv. Melaksanakan strategi yang dirancang dengan berkesan;</li> <li>v. Menggunakan maklumat, dapatan kajian, pendekatan dan teknologi terkini dalam pengurusan organisasi;</li> <li>vi. Menghayati dan memupuk budaya menuntut ilmu sepanjang hayat melalui program-program terancang;</li> <li>vii. Membawa dan melaksanakan perubahan dengan mengambil kira teori perubahan, amalan semasa dan tuntutan akan datang; dan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kreatif, inovatif dan bermotivasi dalam menerajui organisasi;</li> <li>ii. Komited terhadap budaya menuntut ilmu sepanjang hayat untuk diri dan warga organisasi;</li> <li>iii. Berpegang pada prinsip ekuiti, akauntabiliti dan integriti dalam menerajui kecemerlangan pendidikan;</li> <li>iv. Berani dan sanggup menghadapi cabaran;</li> <li>v. Komited terhadap tanggungjawab yang diamanahkan; dan</li> </ul>

KATEGORI	KOMPETENSI	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	NILAI
			viii. Menjalankan penilaian dan penambahbaikan pengurusan organisasi menggunakan instrumen seperti Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM).	vi. Berpegang kepada prinsip tingkahlaku yang betul untuk mara ke hadapan.
